



KES anak dirantai dalam tandas bukti kehidupan berkeluarga perlu jadi keutamaan masyarakat. B/H 6/1/12 MS23

Institusi keluarga makin rapuh

Perkukuh rumah tangga patut jadi azam tahun baru

Muhamad Razak Idris

muhdrazak@abim.org.my



langsung mengagggu pertumbuhan sihat ahli keluarga terutama anak yang memerlukan banyak tunjuk ajar dan perhatian.

Di samping itu, beberapa tahun kebelakangan ini kita didedahkan dengan peningkatan jumlah perceraian. Dalam laporan diperolehi, purata perceraian terjadi setelah usia perkahwinan mencecah 10 tahun. Hal ini amat membimbangkan kerana perceraian bukan hanya membabitkan dua individu tetapi seluruh keluarga yang dibina sepanjang ikatan kekeluargaan terjalin.

Azam kedua yang perlu diberi keutamaan ialah tuntutan untuk membudayakan gaya hidup sihat. Kita tentu terkejut mendapati bahawa Malaysia antara yang mempunyai jumlah penduduk yang mengalami masalah kegemukan atau obesiti yang tinggi. Dari sudut perkembangan kesihatan, data ini amat mencemaskan kerana ia memberi kesan tersendiri terhadap kesejahteraan sosial negara.

Ada sesetengah pendapat mengatakan, keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana sejajar dengan perkembangan ekonomi negara, Jawapan ini tidak boleh diterima. Perkembangan ekonomi yang pesat harus mendorong berkembangnya gaya dan budaya hidup sihat. Namun, perkara sebaliknya terjadi.

Gaya hidup tidak sihat memberi



Institusi keluarga yang lemah menjejaskan proses pembangunan masyarakat dan negara yang seimbang secara keseluruhan. Oleh itu, ia sering dirujuk sebagai benteng negara. Institusi keluarga yang lemah juga antara faktor utama merebaknya gejala sosial



kesan langsung terutama terhadap kualiti hidup individu dan masyarakat. Individu yang mengalami masalah kegemukan, mudah terdedah kepada penyakit berbahaya seperti serangan jantung, barah, buah pinggang dan kencing manis. Ini tentu memudaratkan perkembangan individu dan pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Gejala AIDS dan ketagihan dadah di kalangan masyarakat kita juga terus berkembang.

Kita yakin usaha mendisiplinkan diri dengan membudayakan cara hidup sihat membantu dan mengelak diri daripada terjebak dengan kesan yang tidak baik terhadap kesihatan diri. Justeru, ilmu pemakanan sihat atau amalan diet patut dipelajari dan dihayati dalam kehidupan seharian. Ilmu ini penting kerana ia memberi pendedahan mengenai bagaimana cara memilih dan merancang penggunaan sumber makanan yang sihat dan seimbang. Cara hidup sihat juga meliputi disiplin rehat dan senaman mencukupi. Ia juga termasuk mengelak amalan berbahaya. Bagi perokok, jadilah tahun baru ini azam untuk meninggalkan amalan yang tidak sihat dan berbahaya ini.

Dari aspek pembangunan institusi keluarga, peranan ibu bapa terlalu asas dalam menjamin keutuhan. Ilmu mengenai peranan ibu bapa harus dihayati berterusan. Kini ada banyak sumber sama ada ceramah atau tulisan yang membicarakan persoalan ini. Sudah sampai waktunya usaha menghimpunkan pengalaman ibu bapa contoh dalam pelbagai bidang dikongsi dan dihebahkan. Cabaran ibu bapa hari ini bertambah berat kerana berdepan dengan persekitaran baru terutama dalam proses pendidikan anak. Suami dan isteri juga harus lebih berdisiplin dan sabar dalam urusan rumah tangga di samping terus berusaha meningkatkan persefahaman dalam mengharungi bahtera kehidupan.

Penulis ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM

TENTUNYA setiap daripada kita sudah merencana azam 2012. Pada penulis, ada dua keutamaan penting yang harus diberi perhatian seluruh rakyat pada tahun ini. Pertama ialah kepentingan untuk tumpuan ke arah pengukuhan institusi keluarga. Kedua, tuntutan untuk kita membudayakan cara hidup sihat.

Mungkin dua keutamaan ini sering dibicarakan dan pada keadaan tertentu dianggap terlalu biasa untuk dibincangkan. Hakikatnya, kedua-dua perkara ini harus diberi perhatian semula kerana kesan daripada sikap meringankannya memberi akibat buruk terhadap perkembangan dan pembangunan sosial negara sejak akhir-akhir ini.

Pada tahun ini kita harus memberi tumpuan ke arah pembangunan institusi keluarga secara serius kerana sejak akhir-akhir ini, banyak laporan menunjukkan institusi ini berada pada tahap rapuh. Baru-baru ini, akhbar melaporkan beberapa kes dera anak sendiri dengan merantai dan mengurung mereka gara-gara kesilapan kecil yang dilakukan dan ia berlaku di rumah sendiri. Kejadian ini amat meresahkan kita. Ia sebahagian daripada petunjuk ada sesuatu yang tempang sedang terjadi terhadap institusi keluarga di negara kita.

Institusi keluarga yang lemah pasti menjejaskan proses pembangunan masyarakat dan negara yang seimbang secara keseluruhan. Oleh itu, ia sering dirujuk sebagai benteng negara. Institusi keluarga yang lemah juga antara faktor merebaknya gejala sosial yang kian membarah. Dalam banyak kajian, institusi keluarga rapuh menyebabkan kepemimpinan rumah tangga menjadi lemah. Keadaan ini secara